

Kajian Bibliometrik Penerbitan Berbahasa Melayu dalam Indeks Scopus

Zamimah Osman¹ dan Nuraini Yusoff¹

¹Unit Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia.

ABSTRAK

Kemunculan sistem penerbitan moden yang menyediakan perkhidmatan indeks dan abstrak hasil penyelidikan yang dijalankan oleh para sarjana dalam pangkalan data tertentu adalah impak daripada perkembangan pesat dalam bidang teknologi maklumat dan kepustakaan. Sistem penerbitan moden ini turut mencetuskan senario baharu dalam dunia akademik. Pengiktirafan terhadap universiti bertaraf dunia yang menetapkan satu daripada kriteria penilaian adalah melalui penerbitan hasil penyelidikan dalam jurnal yang diindeks oleh pangkalan data Scopus telah mengubah tumpuan ahli akademik daripada menerbitkan buku kepada penerbitan jurnal. Sistem penerbitan moden ini, pada dasarnya memberi cabaran yang besar kepada perkembangan bahasa Melayu. Dengan wujudnya sistem ini, penerbitan makalah dalam jurnal yang diindeks oleh Scopus semakin di dominasi oleh makalah berbahasa Inggeris. Oleh itu, kajian bibliometrik ini dijalankan untuk menganalisis pola penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus untuk tempoh 5 tahun, iaitu dari tahun 2013 sehingga 2018 dan mengenal pasti potensi penerbitan makalah berbahasa melalui berdasarkan indikator jumlah petikan sitasi dan h-Indeks makalah yang diindeks Scopus. Data dimuat turun daripada pangkalan data indeks Scopus menggunakan carian bahasa (Malay Language). Kajian bibliometric ini menggunakan keputusan analisis (result analysis) yang dipaparkan dalam laman sesawang Scopus. Dapatan kajian memperlihatkan dalam tempoh lima tahun (2013-2018) prestasi penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam jurnal yang diindeks Scopus menunjukkan peningkatan yang positif dari aspek prestasi IPT, jumlah petikan sitasi dan H-Indeks. Kajian ini diharap dapat memberikan gambaran sebenar tentang status penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam pangkalan data antarabangsa (scopus) dan membina kesedaran kepada pihak penerbit dan penulis untuk meningkatkan penerbitan makalah berbahasa Melayu agar bahasa Melayu dapat berada di persada antarabangsa setanding dengan penerbitan dalam lain-lain bahasa terutamanya bahasa Inggeris.

Kata Kunci: Bahasa Melayu, Bibliometrik, Penerbitan Ilmiah, Scopus.

PENGENALAN

Perkembangan pesat dalam industri penerbitan yang diasaskan oleh kemajuan dalam bidang teknologi maklumat dan kepustakaan telah mewujudkan pelbagai perkhidmatan dan pangkalan data indeks. Perkhidmatan data indeks ini memudahkan proses perkongsian dan pencarian maklumat ilmiah dan menjadi wahana komunikasi ilmiah dalam kalangan sarjana di seluruh dunia. Selain itu, pengiktirafan yang diberikan terhadap universiti bertaraf dunia yang mengambil kira elemen penerbitan jurnal dalam perkhidmatan pangkalan data indeks sebagai satu daripada indikator pengukuran, turut menjadi pemangkin kepada perkembangan perkhidmatan pangkalan data indeks dan abstrak jurnal. Fenomena yang berlaku ini secara tidak langsung turut mempengaruhi dan mencabar kewibawaan bahasa Melayu.

Kemunculan pelbagai pangkalan data indeks yang diasaskan oleh Barat telah menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama komunikasi ilmiah dalam kalangan sarjana di seluruh dunia. Ditambah pula dengan sistem penarafan dan penaraan universiti bertaraf dunia oleh World University Ranking (WUR) yang menggunakan pangkalan data Scopus sebagai satu

daripada indikator untuk membekalkan maklumat bibliometrik tentang prestasi penerbitan di pelbagai institusi pendidikan di dunia ini turut melebarkan lagi cabaran terhadap perkembangan bahasa Melayu dalam dunia penerbitan ilmiah. Perubahan persekitaran ini sebenarnya menjadi saluran kepada 'penjajahan' bahasa di peringkat maya dan pelbagai persoalan timbul, sama ada mampukah bahasa Melayu diterbitkan dalam jurnal yang diindeks oleh pangkalan data indeks antarabangsa? Mampukah perkembangan teknologi ini dimanfaatkan sebagai alat untuk pembangunan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di persada antarabangsa? Bagi menjawab persoalan ini, sebaiknya ditelusuri terlebih dahulu sejarah penerbitan ilmiah di negara ini.

SOROTAN LITERATUR

Penerbitan Jurnal Ilmiah di Malaysia

Sejarah penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia bermula pada awal tahun 1847, iaitu melalui penerbitan *Journal of the Indian Archipelago and Eastern India*. Jurnal ini lebih dikenali sebagai "the Journal" kerana penerbitannya dikendalikan sendiri oleh James Richardson Logan (1819-1869), seorang editor yang pernah berkhidmat dengan *The Pinang Gazette* dan juga merupakan seorang peguam yang pernah berkhidmat di Negeri Selat, iaitu Singapura (Tiew, 1998; 1999). Sebanyak 13 jilid jurnal telah diterbitkan sejak dari tahun 1847 sehingga tahun 1863. Jurnal ini mempromosikan kembara dan penulisan saintifik. Selain Logan, penyumbang utama termasuklah John Crawford, Robert Little, Windsor Earle, Thomas Braddell, John Thomson and Colonel Low (Yeong & Tan, 2009). Semenjak dari itu, penerbitan jurnal terus berkembang sehingga ke hari ini. Antara faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan penerbitan jurnal ilmiah di negara ini ialah pertambahan institusi pengajian tinggi, penyelidikan dan persatuan profesional dan pengantarabangsaan penerbitan jurnal ilmiah melalui perkhidmatan indeks dan abstrak jurnal (Md Sidin Ahmad Ishak, 1997; Arndt, 2008; Abu Bakar Maidin, Shahrudin Shafri, & Shamsudin Ibrahim, 2009; Zainab Awang Ngah, 1997; Roosfa Hashim, 2010).

Jika ditinjau dari sudut sejarah pembangunan penerbitan jurnal ilmiah, Roosfa Hashim (2010) melihat pembangunan penerbitan jurnal ilmiah di negara ini berlaku dalam tiga fasa pembangunan, iaitu fasa penerbitan menggunakan mesin cetak, fasa penerbitan elektronik dan fasa pengantarabangsaan. Fasa pertama, iaitu fasa penerbitan jurnal dengan menggunakan mesin cetak. Sebelum tahun 1957, penerbitan jurnal ilmiah secara bercetak diusahakan oleh orang perseorangan. Namun, selepas tahun 1957 penerbitan jurnal ilmiah di negara ini mula diterajui oleh persatuan pertubuhan keserjanaan, kemudian diikuti oleh beberapa jabatan dan fakulti pada peringkat universiti. Penerbitan jurnal ilmiah secara bercetak ini didapati semakin meningkat pada tahun 80-an dan 90-an. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan jumlah penerbitan jurnal bercetak ini adalah disebabkan oleh kemunculan lebih banyak di institusi pengajian tinggi awam dan pelbagai pusat penyelidikan di negara ini.

Selanjutnya fasa kedua, iaitu fasa penerbitan jurnal secara elektronik. Dalam fasa ini, jurnal ilmiah dalam bentuk elektronik mula dibangunkan dan Fakulti Sains Komputer dan Sains Maklumat, Universiti Malaya menjadi perintis kepada penerbitan jurnal elektronik ini. Dua buah jurnal yang diterbitkan dalam bentuk elektronik, iaitu *Malaysian Journal of Computer Science* dan *Malaysian Journal of Library & Information Science*. Penerbitan jurnal elektronik di negara ini, walau bagaimanapun memperlihatkan perkembangan yang agak perlahan jika dibandingkan jumlah keseluruhan pertumbuhan jurnal elektronik di seluruh dunia (Roosfa Hashim, 2010). Sehingga tahun 2007 hanya terdapat sejumlah 45 judul jurnal ilmiah yang diterbitkan di Malaysia dalam bentuk elektronik.

Manakala fasa ketiga, iaitu fasa pengantarabangsaan penerbitan jurnal ilmiah. Fasa pengantarabangsaan ini berlaku rentetan daripada perkembangan yang berlaku dalam bidang sains perpustakaan dan kemajuan dalam bidang teknologi maklumat. Seiring dengan itu, muncul sistem penerbitan moden dan penyelidikan saintifik yang menawarkan perkhidmatan pangkalan data indeks dan abstrak yang turut menyenaraikan penerbitan makalah penyelidikan dan jurnal ilmiah. Penyenaraian dalam perkhidmatan indeks dan abstrak ini menuntut setiap jurnal yang ingin disenaraikan dalam pangkalan data indeks tertentu menampilkan beberapa ciri yang ditetapkan, termasuklah sidang editor antarabangsa, pemakalah antarabangsa, penerbitan mengikut jadual, pengkhususan bidang jurnal serta beberapa sifat lain (Roosfa Hashim & Salmah Zainal Abidin, 2009).

Sistem penerbitan moden ini mewujudkan pelbagai perkhidmatan pangkalan data indeks dan abstrak yang digunakan untuk mengukur mutu dan pencapaian makalah yang diterbitkan dalam jurnal ilmiah pelbagai bidang ilmu. Antaranya, pangkalan data Scopus, Thomson Reuters (Web of Science Citation Index, SCI dan Web of Science Social Citation Index, SSCI) dahulunya dikenali sebagai Institute for Scientific Information (ISI), EBSCOHOST, *Science Direct*, *Springer Link*, Dialog, OCLC, MEDELIN dan sebagainya (Coe & Weinstock (1984); Extejt & Smith (1990); Frankel & Edlunt (1990); Harter (1996); Sharplin & Mabry (1985); dan Stahl, Leap & Wei (1988).

Pangkalan Data Indeks Scopus

Pada tahun 2007, pangkalan data indeks dan abstrak Scopus telah dipilih oleh Quacquarelli Symonds (QS) Top Universiti, iaitu sebuah organisasi yang dipertanggungjawabkan oleh World University Rangkaian (WUR) untuk menyediakan penarafan terkemuka di dunia untuk diterbitkan dalam Times Higher Education Supplement (THES). Pemilihan pangkalan data Scopus ini telah menjadikan pangkalan data tersebut terkenal dalam kalangan institusi pengajian tinggi di seluruh dunia termasuk Malaysia (Abu Bakar *et al.*, 2009).

Scopus ialah pangkalan data indeks petikan pelbagai disiplin terbesar yang diterbitkan oleh Elsevier. Scopus mengindeks jurnal saintifik dalam pelbagai disiplin ilmu dan terdapat sekitar 33 juta data penerbitan telah direkodkan ke dalam Scopus yang dikerjakan seawal tahun 1996. Sehingga Januari 2018, Scopus telah mengindeks sejumlah 22,800 jurnal, meliputi 5,200 judul jurnal ilmiah capaian terbuka (*open access*). Pangkalan data Scopus turut menyediakan maklumat bibliometrik tentang produktiviti oleh pengarang, institusi mengikut negara dalam sesuatu bidang atau disiplin ilmu, dan maklumat petikan indeks atau *citation*, iaitu sekerap mana sesebuah jurnal itu dirujuk dan dipetik oleh pemakalah lain (Zainab Awang Ngah, 2008).

Pemilihan pangkalan data Scopus sebagai penanda aras dalam pembuat penaraan dan penarafan universiti terkemuka di dunia telah menjadikan pangkalan data Scopus dikenali di Malaysia. Oleh itu, pelbagai langkah telah dirancang oleh pihak kerajaan dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini untuk memastikan makalah penyelidikan yang ditulis oleh para sarjana dapat diterbitkan ke dalam jurnal yang diindeks oleh SCOPUS. Antaranya termasuklah usaha pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) merangka Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang bertujuan mengenal pasti keperluan untuk memperkasa dan menaik taraf jurnal akademik tempatan supaya setanding dengan jurnal antarabangsa (Jabatan Pengajian Tinggi, 2014), menjalankan penaraan dan penarafan universiti di Malaysia menggunakan Sistem Penarafan IPTA (SETARA) dan Sistem Penilaian Universiti Penyelidikan (MYRA) (Mazmin Mat Akhir *et al.*, 2010) dan mewujudkan skim ganjaran tertentu dan kenaikan pangkat kepada ahli akademik yang berjaya menerbitkan penulisan makalah dalam jurnal yang diindeks dalam Scopus mahupun Thomson Reuters (Roosfa Hashim, 2010).

Selain Scopus, terdapat pangkalan data lain yang lebih awal digunakan oleh QS World University Ranking dalam menyediakan penarafan universiti bertaraf dunia, iaitu *Thomson Reuters* sebelumnya dikenali sebagai Institute for Scientific Information (ISI). Pangkalan data Thomson Reuters diterbitkan oleh sebuah badan penerbitan, iaitu Thomson Reuters di Amerika Syarikat. Bagaimanapun, liputan penerbitan yang diindeks oleh Thomson Reuters lebih terfokus kepada penerbitan dari Barat, terutamanya dari Amerika Syarikat dan memberi keutamaan kepada penerbitan yang diterbitkan dalam bahasa Inggeris (Bontis & Serenko, 2009). Nisonger (2004) melaporkan bahawa Web of Science (WoS), iaitu laman sesawang yang diterbitkan oleh Thomson Reuters hanya mengindeks 20 peratus jurnal dari luar Amerika Syarikat, dan dua peratus jurnal yang diterbitkan dalam bahasa selain daripada bahasa Inggeris.

Jika dibandingkan dengan Thomson Reuters, liputan penerbitan yang diindeks oleh Scopus didapati lebih bersifat antarabangsa. Scopus bukan sekadar mengindeks penerbitan dari Barat, malah turut mengindeks penerbitan dari negara-negara di Asia (Koh, 2014; Huang, 2011; Roosfa Hashim, 2010; Sowter, 2007). Di samping itu, Scopus juga lebih banyak mengindeks hasil penerbitan dalam bahasa lain jika dibandingkan dengan Thomson Reuters (Bontis & Serenko, 2009; Roosfa Hashim & Salmah Zainal, 2009). Liputan indeks penerbitan yang lebih luas ini memberi kelebihan kepada pangkalan data Scopus, sehingga pangkalan data ini telah dipilih oleh QS World University Ranking sebagai pangkalan data yang membekalkan maklumat bibliometrik penerbitan dalam menyediakan laporan penarafan universiti terkemuka di dunia menggantikan pangkalan data Thomson Reuters (ISI) (Koh, 2014; Huang, 2011; Sowter, 2007).

Memandangkan kelebihan yang dimiliki oleh pangkalan data Scopus dan kesungguhan pihak kerajaan dan IPT di negara ini untuk menyenaraikan hasil penyelidikan para sarjana ke dalam jurnal yang diindeks oleh Scopus, maka makalah yang diterbitkan dalam jurnal yang diindeks oleh Scopus mempunyai nilai ilmiah yang tinggi untuk diteliti. Oleh itu, makalah ini akan membincangkan berkenaan penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus dari sudut kajian bibliometrik.

PENYATAAN MASALAH

Istilah '*bibliometrics*' telah diperkenalkan oleh Pritchard (1969) sebagai aplikasi kaedah matematik dan statistik untuk buku dan lain-lain media komunikasi. Pada tahun yang sama Nalimov dan Mulchenko (1969) juga memperkenalkan istilah '*scientometrics*' yang mendefinisikan ilmu pengetahuan sebagai aplikasi kuantitatif yang berkaitan dengan analisis sains sebagai proses maklumat. Terdapat perbezaan dari segi fokus bibliometrik dengan saintometrik, iaitu bibliometrik direka untuk menangani lebih banyak proses maklumat umum seperti buku, artikel dan bahan-bahan lain, manakala saintometrik pula meneliti ilmu pengetahuan terhad kepada pengukuran komunikasi sains manakala.

Mengikut The British Standard Institution, kaedah bibliometrik didefinisikan sebagai penetapan metode matematik dan statistik melalui penggunaan dokumen dan pola sesuatu penerbitan (Sulistyo Basuki, 2002). Manakala objek utama kajian bibliometrik adalah bahan penerbitan yang telah diterbitkan hasil penyelidikan dalam jurnal ilmiah (Khadher Ahmad, 2016). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kaedah analisis bibliometric ini bertujuan untuk memperlihatkan sifat dan arah pengembangan sesuatu penerbitan melalui pendekatan analisis dan deskriptif tentang sesuatu produk penerbitan. Makalah ini cenderung untuk menggunakan kaedah bibliometrik yang mencakupi carian penerbitan makalah ilmiah berbahasa Melayu yang diterbitkan dalam pangkalan data Scopus.

Di Malaysia terdapat banyak kajian yang telah dijalankan menggunakan kaedah bibliometrik, antaranya kajian yang meneliti prestasi penyelidikan ilmiah dalam pangkalan data indeks oleh Norazian Sharuddin, Md. Razib Karno, Yahya Buntat (2016) dalam bidang Pengajian Islam dan

kajian oleh Fun Jia & Yan Jiang (2018) dalam bidang Pengurusan, kajian yang meneliti trend penerbitan jurnal oleh Rosiah Hamzah (2011) dan makalah berindeks oleh Abu Bakar et al. (2010). Kajian bibliometrik ini turut digunakan untuk meninjau penulisan makalah penyelidikan berkaitan produk, seperti kajian oleh Khadher Ahmad et al. (2015). Namun kajian yang meneliti pola dan prestasi penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam pangkalan data indeks Scopus menggunakan kaedah bibliometrik ini masih terbatas dan belum pernah dibincangkan oleh mana-mana sarjana. Sehubungan itu, makalah ini akan menggunakan pendekatan analisis bibliometrik untuk membincangkan berkenaan pola penerbitan, petikan sitasi dan H-indeks makalah berbahasa Melayu yang diindeks Scopus.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk

- a. menganalisis pola penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam jurnal yang diindeks oleh Scopus untuk jangka masa 2013-2018.
- b. mengenal pasti prestasi penerbitan makalah berbahasa Melayu berdasarkan indikator petikan sitasi dan H-indeks dalam Scopus.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Analisis bibliometrik tidak terhad dalam bidang sains perpustakaan dan sains maklumat sahaja malahan kaedah analisis ini digunakan secara meluas untuk mengukur petikan sitasi (citation) dan analisis kandungan penerbitan (Hertzal, 2003). Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah analisis bibliometrik, untuk menganalisis dan mengukur maklumat tentang penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus.

Kaedah pencarian data dijalankan dengan menggunakan pangkalan data Scopus. Pangkalan data indeks Scopus pada dasarnya membekalkan maklumat bibliometrik tentang prestasi semua produk yang diterbitkan dan diindeks dalam pangkalan data tersebut di serata dunia.


Dalam kajian bibliometrik, kaedah carian menggunakan kata kunci yang tepat adalah sangat penting untuk memastikan setiap data berkaitan penyelidikan yang dikaji dapat dikesan sepenuhnya. Sehubungan itu, dalam kajian ini pengesanan makalah berbahasa Melayu dijalankan berdasarkan benchmarking '*malay language*' dan tempoh carian dibataskan dari tahun 2013 sehingga 2018. Setelah data dimuat turun, pengelasan data dan analisis dijalankan mengikut indikator yang telah ditetapkan iaitu, pola penerbitan makalah berbahasa Melayu dengan melihat kepada prestasi IPT dan bidang penerbitan yang menerbitkan makalah berbahasa Melayu dan juga jumlah petikan sitasi dan h-Indeks makalah dalam Scopus.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian dari aspek pola penerbitan memperlihatkan dalam tempoh lima tahun (2013-2018) terdapat sebanyak 803 makalah berbahasa Melayu yang telah diterbitkan dalam pelbagai jurnal dan diindeks dalam Scopus. Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan dan penurunan bilangan makalah berbahasa Melayu yang diterbitkan. Daripada tahun 2013 sehingga tahun 2016 bilangan makalah berbahasa Melayu yang diindeks Scopus semakin menurun, walau bagaimanapun, tahun 2017 hingga 2018 menyaksikan peningkatan ketara bilangan makalah yang diindeks dalam Scopus. Jadual 1 dan Rajah 1 memaparkan statistik penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus.


Jadual 1 Penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Sopus 2013-2018

Year ↓	Documents ↑
2018	160
2017	120
2016	122
2015	120
2014	137
2013	148



Rajah 1. Statistik Penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus.

Analisis dari aspek prestasi institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia yang menerbitkan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus menunjukkan bahawa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merupakan antara IPT yang terlibat aktif dalam usaha menggalakkan penerbitan makalah berbahasa Melayu, iaitu dalam tempoh lima tahun (2013-2018) sebanyak 503 makalah telah diterbitkan dan diindeks Scopus. Bilangan ini agak ketara lebih tinggi jika dibandingkan dengan Universiti Malaya (UM) yang menerbitkan 57 makalah, Universiti Teknologi MARA (UiTM) 47 makalah, Universiti Putra Malaysia (UPM) (43) dan selanjutnya. Rajah 2 menunjukkan bilangan 10 IPT tertinggi yang menerbitkan makalah berbahasa Melayu yang diindeks Scopus.




Rajah 2. Prestasi IPT yang menerbitkan makalah berbahasa Melayu.

Analisis pola penerbitan mengikut bidang pula mendapati makalah berbahasa Melayu banyak diterbitkan dalam bidang Sains Sosial iaitu sebanyak 301 makalah (31.1%), multi disiplin 186 makalah (19.2%), Sastera dan kemanusiaan 157 makalah (16.2%), kejuruteraan 100 makalah (10.3%), Kimia 89 makalah (9.2%), ekonomi 61 makalah (6.3%), pengurusan, perniagaan dan perakaunan 48 makalah (5.0%), pertanian dan sains biologi 11 makalah (1.1%), Earth and Planetary Sciences, 9 makalah (0.9%), matematik 2 makalah (0.2%), dan bidang lain-lain (0.3%). Jumlah ini menunjukkan bahawa penerbitan makalah berbahasa Melayu mencakupi semua disiplin ilmu dan tidak terhad kepada bidang sains sosial semata-mata tetapi merentasi juga bidang sains dan teknologi. Dapatan kajian ini membuktikan sifat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa saintifik yang boleh digunakan dalam penerbitan makalah jurnal merentasi pelbagai bidang dan disiplin ilmu. Maklumat lanjut berkenaan huraian ini dapat dilihat melalui Rajah 3.

Social Sciences	301
Multidisciplinary	186
Arts and Humanities	157
Engineering	100
Chemistry	89
Economics, Econometrics and Finance	61
Business, Management and Accounting	48
Agricultural and Biological Sciences	11
Earth and Planetary Sciences	9
Mathematics	2
Environmental Science	1

Materials Science	1
Physics and Astronomy	1




Rajah 3. Penerbitan makalah berbahasa Melayu mengikut bidang.


Analisis dari aspek jumlah petikan sitasi pula menunjukkan bahawa bilangan petikan sitasi bagi makalah berbahasa Melayu dalam Scopus semakin meningkat bagi tempoh 5 tahun tersebut, iaitu pada tahun 2013 (3 petikan sitasi), 2014, (27 petikan), 2015 (74 petikan), 2016 (115 petikan), 2017 (205 petikan) dan seterusnya pada tahun 2018 meningkat menjadi 294 petikan sitasi. Rajah 4 yang menunjukkan peningkatan jumlah petikan sitasi makalah berbahasa Melayu. Manakala Jadual 2 memperlihatkan jumlah bilangan petikan sitasi makalah dalam bentuk jadual. Peningkatan dari aspek bilangan petikan sitasi ini menunjukkan satu petanda yang positif terhadap perkembangan penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus mahupun dalam pangkalan data indeks yang lain. Semakin banyak petikan sitasi terhadap makalah yang diterbitkan dalam bahasa Melayu, semakin luas perkembangan dan perkongsian ilmu dalam bidang tertentu yang menggunakan bahasa Melayu.

Jadual 2 Jumlah bilangan petikan sitasi makalah

Tahun	Jumlah Petikan Sitasi
2018	294
2017	205
2016	115
2015	74
2014	27
2013	6

**Rajah 4.** Petikan Sitasi Makalah Berbahasa Melayu.

Seterusnya dari aspek h-indeks makalah berbahasa Melayu dalam Scopus turut memperlihatkan peningkatan yang positif. Bilangan h-indeks makalah berbahasa Melayu seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5 memperlihatkan bahawa sekurang-kurangnya lapan makalah yang dipetik sebanyak 8 kali yang memberikan nilai h-indeks yang semakin tinggi kepada makalah tersebut, petikan makalah ini turut memberi kesan terhadap h-indeks jurnal yang menerbitkan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus. Boleh dikatakan bahawa peningkatan dari aspek jumlah h-indeks makalah berbahasa Melayu ini memberi petanda positif terhadap penerimaan sarjana terhadap penerbitan berbahasa Melayu itu sendiri di peringkat antarabangsa.



Rajah 5. h-Indeks makalah berbahasa Melayu dalam Scopus.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, tidak dinafikan peluasan dan penguasaan bahasa Inggeris di peringkat antarabangsa didorong oleh keperluan untuk berkongsi maklumat hasil daripada kemajuan dalam bidang teknologi maklumat. Walau bagaimanapun, fenomena ini tidak bermaksud meniadakan kepentingan bahasa Melayu untuk dimartabatkan dalam di peringkat antarabangsa. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa bahasa Melayu juga berkembang seiring dengan kemajuan dalam bidang sains dan teknologi. Pencapaian penerbitan makalah berbahasa Melayu yang diindeks oleh Scopus yang dibuktikan melalui kaedah bibliometrik ini mengukuhkan dakwaan bahawa bahasa Melayu sememangnya merupakan bahasa saintifik yang boleh digunakan dalam segala bidang. Sehubungan itu, masyarakat pengguna bahasa Melayu, khususnya sarjana dan juga institusi yang terlibat dalam industri penerbitan di negara ini perlu jelas tentang peranan penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu. Keberkesanan untuk melaksanakan penggunaan bahasa Melayu di dalam industri penerbitan maya ini hanya terletak di bahu masyarakat bahasanya malahan inilah masanya untuk sarjana bahasa Melayu menempa nama di persada antarabangsa dengan menggunakan kemudahan teknologi yang ada untuk di seluruh pelosok dunia.

Perkembangan globalisasi dan liberasasi hendaklah dilihat sebagai satu peluang untuk memastikan bahasa Melayu terus kekal disanjung oleh bangsa Melayu serta masyarakat bukan Melayu dengan memanipulasikan perkembangan teknologi sepenuhnya. Penguasaan bahasa asing tidak seharusnya melunturkan kepentingan bahasa Melayu itu sendiri. Oleh itu, segenap sudut dan ruang yang sempit perlu dilebarkan agar bahasa Melayu mempunyai nilai yang simbolik dan tidak luput dek hujan, tidak lekang dek panas. Para sarjana dan pihak kerajaan perlu mencari jalan dalam menambah nilai bahasa di pasaran dunia. Ini merupakan satu tugas berat bagi para sarjana dalam bidang bahasa, khususnya untuk terus berusaha mencari jalan, kaedah serta hipotesis meningkatkan nilai bahasa Melayu di persada antarabangsa.

RUJUKAN

- Abu Bakar Maidin, Shahrudin Shafri, & Shamsudin Ibrahim. (2009). Perkembangan dan kemajuan penerbitan jurnal Malaysia: Strategi ke persada antarabangsa. Dlm. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Penerbitan Ilmiah*, Pacific Ballroom, Hotel Seri Pacific. (tidak diterbitkan).
- Bontis, N., & Serenko, A. (2009). A follow-up ranking of academic journals. *Journal of Knowledge Management*, 13(1), 16-26. doi: 10.1108 /136732 709 109 31134
- Coe, R., & Weinstock, I. (1984). Evaluating the management journals: A second look. *Academy of Management Journal*, 27(3), 660-666.
- Extejt, M., & Smith, J. E. (1990). The behavioral sciences and management: An evaluation of relevant journals. *Journal of Management*, 16, 539-551.
- Fraenkel, N. E., & Wallen, J. R. (2006). *How to design & evaluate research in education* (6th ed.). New York: McGraw-Hill Companies Inc.
- Harter, S. P. (1996). The impact of electronic journals on scholarly communication: A citation analysis. *The Public-Access Computer System Review*, 7(5).
- Hertz, D.H. (2003), "Bibliometrics history" dalam Drake, Miriam A. (ed) *Encyclopaedia of Library and Information Science*, 1, New York: Marcel Dekker, 2003, h. 288-328.
- Huang, M. H. (2011). A comparison of three major academic rankings for world universities: From a research evaluation perspective. *Journal of Library and Information Studies*, 9(1), 1-25.
- Khadher Ahmad, Mohd Yakub@ Zulkifli Mohd Yusoff, Monika@Munirah Abd Razzak, Mohd Asmadi Yakob, Nurulwhidah Fauzi, Khalijah Awang, Rozana Othman, Mohd Farha Md. Ariffin. (2016). Kajian bibliometric terhadap bahan penerbitan penyelidikan berkaitan delima: Ke arah penyelidikan terkini dalam bidang pengajian Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 12 (Julai) ms 1-31.
- Koh, A. P. (2014). *UMExpert dan pengurusan penerbitan*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Keusahawanan: Memperkasakan Inisiatif Khidmat Maklumat Sehati. Dicapai daripada <http://www.cais.unimas.my/media/media/pkma/Seminar/Seminar2014/S2P4.pdf>
- Mazmin Mat Akhir, & Md Nizam Azid. (2010). *Penerbitan berimpak: Pencapaian & strategi*. Perlis: Universiti Malaysia Perlis.
- Md Sidin Ahmad Ishak. (1997). Penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia. Dlm Md Sidin Ahmad Ishak (Ed.) *Prosiding MAPIM 1: Penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nisonger, T. E. (2004). Citation autobiography: An investigation of ISI database coverage in determining author citedness, *College and Research Libraries*, 65(2), 152-63.
- Norazian Sharuddin, Md. Razib Karno, Yahya Buntat (2016)
- Pitchard, A., "Statistical bibliography or bibliometrics?" dalam *Journal of Documentation*, Vol. 25(4), 1969, h.348-349.
- Roosfa Hashim, & Salmah Zainal Abidin. (2009). Strategi peningkatan mutu jurnal Universiti Kebangsaan Malaysia ke arah memantapkan kedudukannya dalam SCOPUS. Dlm *Prosiding Pengantarabangsaan Penerbitan Ilmiah Malaysia*, 18-19 April, Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur.
- Roosfa Hashim. (2010). *Pembangunan jurnal ilmiah Malaysia, 1847-2007*. (Disertasi doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rosiah Hamzah (2011)
- Sharplin, A. D., & Mabry, R. H. (1985). The relative importance of journal used in management research: An alternative ranking. *Human Relations*, 38, 139-148.
- Sowter, B. (2007). *THES-QS world university rankings: Symposium on international trends in university rankings and classifications*. Griffith University, Brisbane. Dicapai daripada <http://www.giffth.edu.au/conference/university-ranking/>

- Stahl, M. J., Leap, T. L., & Wei, Z. (1988). The publication in leading management journals as a measure of institutional research productivity. *Academy of Management Journal*. 31, 707-720.
- Sulistyo Basuki, Bibliometrics, Scientometrics dan Informetrics. Kumpulan Makalah Kursus Bibliometrik. Depok: Pusat Studi Jepang, 2002, h.13-15.
- Tiew, W. S. (1998). History of Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS) 1878-1997: An overview. *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 3(1), 43-60.
- Tiew, W. S. (1999). *Some scholarly English periodicals in pre-independent Malaysia: An historical overview*. *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 4(1), 27-40.
- Yeong, J. C., & Tan, B. (2009). *James Richardson Logan*. Dicapai daripada http://eresources.nlb.gov.sg/infopedia/articles/SIP_1146_2009-10-27.html
- Zainab Awang Ngah. (2008). *Internationalization of Malaysian journals*. Kertas kerja dibentangkan dalam Workshop on Managing Scholarly Journal, Langkawi.